

**PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2015**

**EDARAN SEPERTI LAMPIRAN**

YBhg. Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan /Puan

**PERUBAHAN HAD NILAI , KAEDEAH DAN SYARAT PEMBELIAN TERUS DAN SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN SEHINGGA RM500,000**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2015 (Kali Ke -34) yang telah bersidang pada 7 Oktober 2015 telah bersetuju meluluskan Cadangan Perubahan Kaedah dan Had Nilai Perolehan Universiti selaras dengan 1PP iaitu PK 2 – Kaedah Perolehan Kerajaan.
3. Sehubungan dengan itu perubahan had nilai, kaedah dan syarat Pembelian Terus dan Sebut Harga bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah seperti berikut :

Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Meluius
Sehingga RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak	a. Dilaksanakan secara Pembelian Terus daripada mana-mana pembekal sama ada berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.  b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan.	Ketua PTj
Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak	Dilaksanakan secara Sebut Harga mengikut tatacara Sebut Harga sedia ada dengan kelonggaran seperti berikut :-  a. Pelawaan sekurang-kurangnya di kalangan tiga (3) pembekal tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan sama ada bertaraf Bumiputera atau bukan Bumiputera.	Jawatankuasa Sebut Harga Universiti 'B'(JKSU – B)

Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
	<p>b. Tempoh notis/iklan dipendekkan kepada tiga (3) hari</p> <p>c. Penilaian Sebut Harga oleh Jawatankuasa Penilaian di peringkat PTj dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk Ketua PTj sebagai pengurus. Sekiranya Ketua PTj tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, beliau boleh menamakan pegawai kanan yang lain.</p>	<p><u>Keahlian JKSU 'B'</u></p> <p>Pengerusi : Timbalan Naib Canselor</p> <p>Ahli :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Wakil Bendahari</li> <li>b. Wakil Pendaftar</li> <li>c. Wakil Pengarah Pembangunan (kesemua wakil hendaklah terdiri daripada pegawai Gred 44 dan ke atas)</li> </ul> <p>Urusetia : Unit Perolehan Pejabat Bendahari</p>
Melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak	<p><b>Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM100,000</b></p> <p>Dipelawa secara Sebut Harga dikalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang yang berkaitan.</p> <p><b>Perolehan melebihi RM100,000 sehingga RM500,000</b></p> <p>Dipelawa secara Sebut Harga dikalangan sekurang-kurangnya lima (5) pembuat/pembekal tempatan (beralamat di Kelantan). Sebut Harga hendaklah terbuka kepada pembuat/pembekal tempatan bertaraf Bumiputera dan bukan Bumiputera. Syarikat pembuat/pembekal bertaraf Bumiputera hendaklah diberi keutamaan harga.</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga Universiti 'A'. (JKSU- A)</p> <p>(Keahlian dan Urusetia JKSU - A adalah sebagaimana keahlian dan Urusetia JKSU)</p>

4. Tarikh kuat kuasa Pekeliling ini adalah pada 15 November 2015 dan Pekeliling Bendahari Bil.1/2012 dibatalkan mulai tarikh yang sama.

Sekian terima kasih.

***" SYARIAT DIPATUHI, RAJA DIHORMATI , RAKYAT DILINDUNGI "***

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menurut perintah,



**MOHD YUSRI BIN AWANG**  
Bendahari

s.k -      YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor  
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
YBhg. Penolong Naib Canselor  
Ketua Unit Audit Dalam